



**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM  
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**SOALAN LAZIM (FAQ)  
PEMATUHAN AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM 1984 (AKTA 304) DAN  
PERATURAN-PERATURAN SUBSIDIARI DI BAWAHNYA SEMASA PERINTAH  
KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

1. **Adakah premis pejabat Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) masih boleh dikunjungi?**

AELB masih beroperasi seperti biasa dengan menghadkan bilangan pegawai yang hadir bertugas dan kehadiran pelawat di pejabat. Pelawat yang ingin berurusan dengan AELB digalakkan untuk menghubungi pegawai melalui e-mel dan talian telefon umum (03-89225888) untuk mendapatkan perkhidmatan. Sila hubungi *Person in Charge* (PIC) AELB sepertimana yang dinyatakan dalam Kenyataan Umum AELB bertarikh 14 Januari 2021.

2. **Adakah kakitangan AELB dibenarkan hadir ke pejabat?**

Sepanjang tempoh PKP ini, kakitangan AELB **DIBENARKAN** hadir dengan 30 peratus kehadiran. Walau bagaimanapun, sistem penggiliran dan bekerja dari rumah (BDR) masih diteruskan mengikut keperluan sebagaimana Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 2 Mei 2020 serta Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2020: Dasar Bekerja Dari Rumah (BDR).

3. **Adakah pemeriksaan bagi tujuan pematuhan lesen di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) akan dijalankan ke atas syarikat saya sepanjang PKP ini dikuatkuasakan?**

Berikutan PKP yang dikuatkuasakan, pemeriksaan fizikal tidak akan dilakukan. Sebaliknya AELB akan melakukan pemeriksaan **secara "desktop"** berdasarkan dokumen dalam fail syarikat dan maklumat yang diperolehi dari rekod pemegang lesen dalam sistem atas talian.

4. **Bolehkah alat pengawasan personal Pekerja Sinaran yang digunakan bagi bulan Oktober, November, Disember 2020 dan Januari 2021, untuk terus digunakan? Ini kerana pembekalan alat pengawasan personal kepada Pekerja Sinaran mulai Oktober 2020 tidak dapat dilakukan berikutan PKP ini?**

Alat pengawasan personal Pekerja Sinaran yang digunakan mulai bulan Oktober 2020 November, Disember 2020 dan Januari 2021 adalah **BOLEH** digunakan

sehingga bulan **Februari 2021** bagi tujuan pengawasan bulanan dedahan dos Pekerja Sinaran. Kebenaran yang sama turut diberikan untuk penggunaan alat pemantauan tempat kerja yang dipasang pada peralatan sinaran bagi tujuan pengawasan bulanan dedahan dos kawasan.

**5. Adakah pemegang lesen boleh menjalankan operasi sepanjang PKP ini dikuatkuasakan?**

Sepanjang PKP ini berkuatkuasa, pemegang lesen hendaklah merujuk kepada pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) atau Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan perkhidmatan yang diberikan jika dikehendaki menjalankan operasi. AELB tiada halangan untuk aktiviti yang dilesenkan di bawah Akta 304 dioperasikan sekiranya semua keperluan yang ditetapkan di bawah lesen yang dikeluarkan di bawah Akta 304 dipatuhi dan aktiviti / perkhidmatan tersebut mendapat kebenaran untuk dioperasikan oleh MKN atau Kementerian yang dipertanggungjawabkan.

**6. Adakah penggunaan meter tinjau yang telah tamat tempoh sah tentukuran dibenarkan susulan fasiliti yang melakukan tentukuran tidak beroperasi sepanjang PKP ini dikuatkuasakan?**

Meter tinjau yang telah tamat tempoh sah tentukuran semasa PKP ini dikuatkuasakan adalah **DIBENARKAN** untuk terus digunakan sepanjang tempoh PKP.

**7. Adakah tempoh tertentu diberikan untuk pemegang lesen melakukan tentukuran meter tinjau yang telah tamat tempoh sah tentukuran setelah tamat tempoh PKP?**

Pemegang lesen diberi tempoh masa **maksimum 45 hari** selepas tamat PKP, untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi melakukan tentukuran meter tinjau yang telah tamat tempoh sah tentukuran semasa PKP berkuatkuasa

**8. Adakah terdapat kelonggaran diberikan berkaitan syarat kalibrasi meter tinjau bagi tujuan pembaharuan lesen semasa tempoh PKP?**

AELB memberikan kelonggaran berhubung syarat pembaharuan lesen berkaitan kalibrasi meter tinjau iaitu boleh dipertimbangkan pembaharuan lesen bagi meter tinjau yang tamat kalibrasi sehingga **28 Februari 2021**.

**9. Adakah peralatan sinaran (radas penyinaran, bekas punca dan lain-lain) yang telah tamat tempoh sah senggaraan dibenarkan untuk digunakan sepanjang tempoh PKP?**

Peralatan sinaran yang telah tamat tempoh sah senggaraan semasa PKP ini dikuatkuasakan adalah **DIBENARKAN** untuk terus digunakan sepanjang tempoh PKP.

10. **Adakah tempoh tertentu diberikan kepada pemegang lesen setelah tamat tempoh PKP bagi melakukan penyenggaraan peralatan sinaran yang telah tamat tempoh sah susulan jangkaan kepadatan jadual penyenggaraan oleh syarikat penyenggara akibat jadual kerja penyenggaraan yang tertangguh sebelum ini?**

Pemegang lesen diberi tempoh masa **maksimum 45 hari** selepas tamat PKP untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi menyenggara peralatan sinaran yang telah tamat tempoh sah penyenggaraan semasa PKP berkuatkuasa

11. **Sijil Ujian Kebocoran peralatan sinaran syarikat saya akan tamat pada 24 Januari 2021. Berikutan pelaksanaan PKP pada ketika ini, bolehkah saya terus menggunakan peralatan sinaran tersebut kerana perkhidmatan saya termasuk dalam senarai perkhidmatan “essential” di bawah PKP yang sedang berkuatkuasa?**

Peralatan sinaran yang telah tamat tempoh sah ujian kebocoran semasa PKP ini dikuatkuasakan adalah **DIBENARKAN** untuk terus digunakan sepanjang tempoh PKP. Kebenaran ini turut dilanjutkan untuk tempoh **maksimum 45 hari** daripada tarikh penamatan PKP bagi membolehkan pemegang lesen mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyediakan peralatan sinaran yang mempunyai sijil ujian kebocoran yang sah. Pemegang lesen hendaklah sentiasa memastikan elemen keselamatan diberi perhatian yang sewajarnya semasa mengendalikan peralatan sinaran yang telah tamat tempoh sah sijil ujian kebocoran ini.

12. **Siapakah yang saya boleh hubungi jika berlaku sebarang kejadian/ kemalangan radiologi, sepanjang PKP ini berkuatkuasa?**

Pusat Pengurusan Tindakbalas Nuklear Kebangsaan (PTNK), AELB adalah dalam keadaan siapsiaga sepanjang masa bagi menerima sebarang aduan kejadian/ kemalangan radiologi dan akan beroperasi sepenuhnya jika perlu, tidak kira sama ada semasa PKP atau sebaliknya. Sehubungan dengan itu, mana-mana pihak boleh menghubungi AELB melalui **HOTLINE 1-800-88-7999** untuk sebarang aduan kejadian/ kemalangan radiologi yang berlaku. PTKN, AELB juga telah menyediakan senarai pegawai di Ibu Pejabat dan Pejabat Zon AELB untuk dihubungi sekiranya berlaku kejadian/ kemalangan radiologi dan ia boleh diperolehi di laman web AELB di <https://www.aelb.gov.my>

13. **Bolehkah permohonan melakukan pengujian Pelan Kecemasan Radiologi dan Nuklear dengan kehadiran AELB dilakukan sepanjang PKP ini berkuatkuasa?**

Pemegang lesen boleh membuat permohonan pengujian Pelan Kecemasan seperti biasa dengan melengkapkan borang di Lampiran 2, Panduan Penyediaan dan Pengujian Pelan Kecemasan Radiologi dan Nuklear (LEM/TEK66Pin.2) dan mengemukakan kepada AELB melalui email [ncnrm@aelb.gov.my](mailto:ncnrm@aelb.gov.my). Walau bagaimanapun, penetapan tarikh pelaksanaan pengujian Pelan Kecemasan ini akan ditentukan bergantung kepada kedudukan semasa penguatkuasaan PKP.

14. Bagaimana pula dengan pelaksanaan pengujian pelan kecemasan yang telah dijadualkan untuk dilaksanakan dalam tempoh penguatkuasaan PKP?

Pemegang Lesen diberikan penangguhan untuk melaksanakan pengujian pelan kecemasan yang telah dijadualkan dalam tempoh PKP dikuatkuasakan sehingga tempoh perintah tersebut tamat

15. **Tindakan perundangan di bawah Akta 304 berupa penggantungan lesen dan pengantungan pengiktirafan Pekerja Sinaran syarikat saya akan tamat dalam tempoh PKP ini berkuatkuasa. Bolehkah syarikat saya berurusan semula dengan mengendalikan peralatan sinaran seperti sebelum tindakan perundangan dikenakan?**

Pemegang lesen dan Pekerja Sinaran boleh berurusan dengan peralatan sinaran setelah tempoh tindakan perundangan yang dikenakan di bawah Akta 304 telah tamat. Sebagai tambahan, sepanjang tempoh PKP, pengoperasian aktiviti / perkhidmatan pemegang lesen adalah tertakluk kepada ketetapan dan kebenaran di bawah PKP yang sedang berkuatkuasa.

16. **Bagaimana pengiktirafan semula Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS) / Penyelia (PY) yang tidak dapat menghadiri kursus bagi mendapatkan mata Program Pendidikan Berterusan (CEP) dapat dilakukan di atas sebab pelaksanaan PKP?**

AELB akan mempertimbangkan pengiktirafan semula PPS/ PY untuk **tempoh satu (1) tahun** walaupun mata CEP tidak mencukupi disebabkan pembatalan kursus oleh penganjur atau larangan majikan semasa tempoh PKP. Sila muat naik bukti pembatalan kursus oleh pihak penganjur atau bukti larangan menghadiri kursus oleh majikan disebabkan pelaksanaan PKP menerusi sistem eSPP.

17. **Bagaimana saya hendak melakukan pembayaran fi lesen dan lain-lain fi yang berkaitan sepanjang tempoh PKP?**

Bayaran fi hendaklah dilakukan secara atas talian sahaja sepanjang tempoh pelaksanaan PKP ini. Bayaran menerusi cek, wang pos, bank deraf dan kiriman wang tidak dapat diproses semasa PKP dikuatkuasakan.

Sila rujuk pautan <http://www.aelb.gov.my/malay/dokumen/panduan-cara-pembayaran/Maybank2U%20online.pdf> untuk pengguna Maybank2u atau <http://www.aelb.gov.my/malay/dokumen/panduan-cara-pembayaran/CIMBCLICK%20300517.pdf> bagi pengguna CIMB Click.

Sila hubungi *Person in Charge* (PIC) LPTA (**Rujuk Kenyataan Umum LPTA bertarikh 14 Januari 2021**) sekiranya tidak dapat melakukan pembayaran secara atas talian.

18. **Adakah permohonan lesen, kebenaran atau permit import/ eskport boleh dilakukan dalam tempoh PKP?**

Permohonan lesen, kebenaran atau permit import/ eksport secara atas talian masih boleh dilaksanakan sepanjang tempoh PKP dan akan diproses seperti biasa.

**19. Adakah pindaan Program Perlindungan Sinaran, Pelan Kecemasan dan Pelan Sekuriti boleh dilaksanakan dalam tempoh PKP?**

Pindaan Program Perlindungan Sinaran, Pelan Kecemasan dan Pelan Sekuriti boleh dilaksanakan seperti biasa sepanjang tempoh PKP ini mengikut panduan sedia ada.

**20. Bagaimana permohonan kad Pekerja Sinaran dalam tempoh PKP?**

Sebarang permohonan boleh diteruskan seperti biasa dan kad Pekerja Sinaran akan dikemukakan kepada pemohon selepas tamat tempoh PKP.

**21. Adakah Peperiksaan Persijilan PPS akan dilaksanakan dalam tempoh pelaksanaan PKP?**

Peperiksaan Persijilan PPS akan **ditangguhkan** sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

**22. Bagaimana dengan pengiktirafan PPS/ PY yang berkhidmat di kawasan kawalan yang telah tamat tempoh sah pengiktirafan semasa tempoh PKP dan pada masa yang sama pemeriksaan perubatannya juga telah melebihi tiga (3) tahun?**

Semasa tempoh PKP, PPS/ PY yang berkhidmat di kawasan kawalan yang telah tamat tempoh sah pengiktirafan dan pada masa yang sama pemeriksaan perubatannya juga telah melebihi tiga (3) tahun sebelum 28 Februari 2021, akan diberikan pertimbangan pengiktirafan semula untuk tempoh **satu (1) tahun**. Apabila tempoh PKP tamat, PPS/PY tersebut hendaklah melakukan pemeriksaan perubatan dengan segera.

**23. Mengapakah saya tidak menerima sebarang makluman daripada AELB secara emel semasa tempoh PKP ini?**

AELB sentiasa membuat *blasting* makluman terkini kepada semua pemegang lesen. Sekiranya tidak menerima emel dari AELB, sila semak semula emel yang didaftarkan di sistem eSPP. Pemegang lesen hendaklah sentiasa mengemaskini emel Orang Bertanggungjawab Terhadap Lesen (OBTL) atau PPS untuk memastikan sentiasa menerima makluman terkini daripada AELB.

- 24. Apakah ketetapan AELB berhubung keperluan lawatan/ pemeriksaan oleh Pengendali Perunding (PP) atau Pengendali Perunding Bebas (PPB) ke atas premis syarikat yang diberi khidmat perundingan, sekurang-kurangnya sekali dalam masa sebulan, susulan pelaksanaan PKP ini?**

PP dan PPB diberi kelonggaran untuk tidak melakukan lawatan/ pemeriksaan ke atas premis pemegang lesen yang diberi khidmat perundingan, sepanjang tempoh PKP dikuatkuasakan bagi bulan yang terlibat. Walau bagaimanapun, PP atau PPB hendaklah memastikan aspek keselamatan dan sekuriti sentiasa dipatuhi oleh syarikat yang diberi khidmat perundingan sepanjang tempoh PKP berkuatkuasa. Walaupun lawatan/ pemeriksaan tidak dilakukan, PP dan PPB masih tertakluk untuk mengemukakan laporan perundingan berdasarkan pemantauan yang dilakukan melalui sistem eLesen dalam memastikan syarikat yang diberi khidmat perundingan mematuhi peruntukan perundangan di bawah Akta 304 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM**  
Dikemaskini 27 Januari 2021